



Ruj. Kami : SUKNS.600-1/2/16/4 (42)
Tarikh : 12 Disember 2019

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YB/YAA/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI AWAM

Saya dengan hormat dan takzimnya menarik perhatian YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, satu surat edaran telah dikeluarkan oleh Pentadbiran ini surat rujukan SUKNS.600-1/2/16/1 Jld.10 (36) bertarikh 28 November 2018 berhubung 'Larangan Membuat Pernyataan Awam di Media Sosial' berdasarkan peraturan sedia ada yang masih berkuat kuasa iaitu Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (Negeri Sembilan) 2006 [N.S. P.U. 2/2006]. Namun mutakhir ini, pihak JPA mendapati bahawa walaupun terdapat larangan yang jelas berhubung perkara ini, masih berlaku ketidakpatuhan terhadap larangan ini khususnya dalam kalangan pegawai-pegawai yang baharu dilantik dan kurang pengalaman. Dalam menghadapi cabaran dunia digital, pegawai awam perlulah lebih bijak dan sensitif dalam mengeluarkan pernyataan awam kepada sebarang platform/media bagi mengelak disalah tafsir atau salah faham.

3. Peraturan 24(1), N.S. P.U. 2/2006 menerangkan pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:-

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri tentang apa-apa isu;

Ruj. Kami : SUKNS.600-1/2/16/4 (42)

Tarikh : 12 Disember 2019

- (b) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (c) membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri; atau
- (d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

4. Peraturan 24(2), N.S. P.U. 2/2006 peraturan yang sama juga menyatakan bahawa seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:-

- (a) membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (b) memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan penjalanan fungsi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (c) memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri; atau
- (d) menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

5. Oleh yang demikian, mengambil kira peraturan yang berkuat kuasa dan peringatan yang pernah dikeluarkan sebelum ini, sekiranya pegawai awam telah melanggar peraturan ini, tindakan tatatertib termasuk buang kerja boleh diambil ke atas pegawai kerana ingkar perintah dan menjejaskan imej perkhidmatan awam.

Ruj. Kami : SUKNS.600-1/2/16/4 (42)

Tarikh : 12 Disember 2019

6. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan dalam memastikan pegawai dan kakitangan di bawah seliaan YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan sentiasa fokus terhadap tugas hakiki yang dipertanggungjawabkan serta mengelakkan sebarang pernyataan yang boleh menjejaskan imej dan dasar Kerajaan yang berbentuk provokasi dan menyentuh sensitiviti tertentu yang boleh menimbulkan suasana yang tidak harmoni. Pentadbiran ini juga dalam usaha untuk mengenal pasti penjawat awam yang terlibat serta berusaha menangani perkara tersebut daripada berlarutan. Segala perhatian dan komitmen YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)

- s.k.
1. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Negeri Sembilan Darul Khusus
 2. Ketua Unit
Unit Integriti
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN

- 1) Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Negeri Sembilan
- 2) Setiausaha Bahagian
Bahagian Dewan Undangan Negeri
- 3) Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- 4) Pengarah
Unit Pengurusan Teknologi Maklumat
- 5) Pengarah
Badan Kawal Selia Air
- 6) Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
- 7) Pengarah
Majlis Sukan Negeri
- 8) Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Korporat, Inovasi dan Kualiti
- 9) Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB. Menteri Besar Negeri Sembilan
- 10) Setiausaha Bahagian
Unit Kerajaan Tempatan
- 11) Setiausaha Bahagian
Unit Perumahan
- 12) Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Pengurusan Majlis dan Protokol
- 13) Pengurus Besar
Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan
- 14) Ketua Audit Dalam
Unit Audit Dalam
- 15) Ketua Unit Pengaduan Awam
Unit Pengaduan Awam Negeri Sembilan

SENARAI EDARAN

- 1) YB Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan
- 2) YB Sohibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri
Jabatan Mufti
Negeri Sembilan
- 3) YAA Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Sembilan
- 4) Pengarah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan
- 5) Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan
- 6) Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Negeri Sembilan
- 7) Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Sembilan
- 8) Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
Negeri Sembilan
- 9) Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri
Negeri Sembilan
- 10) Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Sembilan
- 11) Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Sembilan
- 12) Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Negeri Sembilan

- 13) Pengelola Bijaya Diraja
Pejabat DYMM Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan
- 14) Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah
Negeri Sembilan

SENARAI EDARAN

- 1) Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seremban
Negeri Sembilan
- 2) Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Tampin
Negeri Sembilan
- 3) Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson
Negeri Sembilan
- 4) Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah
Negeri Sembilan
- 5) Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Jempol
Negeri Sembilan
- 6) Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu
Negeri Sembilan
- 7) Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Rembau
Negeri Sembilan
- 8) Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kecil dan Tanah Gemas
Negeri Sembilan

SENARAI EDARAN

- 1) Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Negeri (PKNNS)
Negeri Sembilan
- 2) Pengarah
Yayasan Negeri
Negeri Sembilan
- 3) Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan
- 4) Pengarah
Lembaga Muzium Negeri
Negeri Sembilan
- 5) Setiausaha
Majlis Agama Islam
Negeri Sembilan

SENARAI EDARAN

- 1) Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seremban
Negeri Sembilan
- 2) Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Nilai
Negeri Sembilan
- 3) Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Port Dickson
Negeri Sembilan
- 4) Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jempol
Negeri Sembilan
- 5) Yang Dipertua
Majlis Daerah Tampin
Negeri Sembilan
- 6) Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah
Negeri Sembilan
- 7) Yang Dipertua
Majlis Daerah Jelebu
Negeri Sembilan
- 8) Yang Dipertua
Majlis Daerah Rembau
Negeri Sembilan